

MSNPP Pelawa Pihak Berkelayakan Kemuka Cadangan Projek Pusat Latihan Pembangunan dan Akademi Badminton



Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) mempelawa pengusaha Akademi Latihan Pulau Pinang dan penggiat sukan badminton yang berkelayakan untuk mengemukakan kertas cadangan untuk menyewa dan menjadikan dewan badminton di Kompleks Sukan Titi Mukim, Teluk Air Tawar sebagai Pusat Latihan Pembangunan dan Akademi Badminton.

EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Soon Lip Chee, berkata Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempelawa pihak yang berinovatif dan berminat untuk bekerjasama bagi membangunkan sukan badminton di kawasan daerah Seberang Perai Utara dan seterusnya melahirkan lebih ramai atlet bertaraf dunia pada jangka masa Panjang.

Cadangan daripada pemohon, katanya, mesti merangkumi maklumat-maklumat asas, strategi program pembangunan akademi berjangka panjang dan berlestari serta anggaran pendapatan dan perbelanjaan.

“Pemohon mesti memastikan cadangan yang diutarakan memenuhi kriteria yang dikemukakan oleh pihak MSNPP supaya program pembangunan sukan badminton adalah mampan dan terus diberi keutamaan kerana perancangan di peringkat akar umbi adalah mustahak demi masa depan sukan negeri dan negara.”

“Dalam pada itu, pemohon wajiblah menyatakan rancangan tersebut secara terperinci. Antara aspek yang dikehendaki adalah seperti kumpulan sasaran, pelaksanaan cadangan jadual waktu akademi latihan, penglibatan jurulatih-jurulatih, penggunaan kemudahan ataupun peralatan sukan serta cadangan pelaksanaan program kejohanan ataupun pertandingan,” ujarnya.

Lip Chee menambah, pemohon juga perlu mempunyai sumber dan dana yang mencukupi dimana semua kos yang berkaitan dengan projek ini perlu ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

“Antara aspek anggaran pendapatan dan perbelanjaan yang perlu diambil kira adalah seperti kos sewaan bulanan yang ditawarkan dan anggaran yuran latihan bulanan untuk peserta.”

“Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga berharap agar projek ini akan diuruskan oleh pengusaha yang berpengalaman, berkredibiliti dan berintegriti tinggi.”

“Saya juga berharap agar usaha pembukaan Pusat Latihan Pembangunan dan Akademi Badminton di kawasan Daerah Seberang Perai Utara ini akan terus dapat mendorong kepada pemeraksanaan sukan badminton khususnya di Teluk Air Tawar, Pulau Pinang,” katanya.

Kertas cadangan yang lengkap hendaklah dihantar terus dalam sampul surat berlakri di alamat berikut:

Pengarah
Majlis Sukan Negeri Pulau Ppinang
Jalan Sultan Azlan Shah
11700 Batu Uban, Pulau Pinang.

Tarikh tutup bagi pemohon untuk menghantar kertas cadangan tersebut adalah pada 24 Februari 2021 (Hari Rabu), jam 12:00 tengahari. Format kertas cadangan boleh dimuat turun dari laman web Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang di <http://msnpp.penang.gov.my>.

Pihak yang berminat untuk melawat dewan ini bagi melihat sendiri kemudahan asas yang terdapat di Kompleks Sukan Titi Mukim ini boleh menghubungi Encik Khairul Hisham (Penyelia Kompleks Sukan Titi Mukim) di talian 019-558 7884 pada hari Isnin hingga Jumaat diantara jam 9:00 pagi – 4:00 petang.

